

JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Panel Penasihat Industri

Panel Penasihat Industri (IAP) adalah sebuah badan yang menasihati Universiti dalam perkara-perkara yang melibatkan perhubungan kerjasama dan memaksimumkan kesejajaran hala UTeM dengan keperluan industri. Ahli IAP terlibat secara aktif dalam forum terbuka ke arah membangun dan mempromosikan program-program universiti, staf akademik dan pelajar. Pengajaran berorientasikan aplikasi dan amalan serta aktiviti penyelidikan dan perundingan Universiti terus dimantapkan, di samping ahli IAP memastikan minat komuniti industri yang tinggi terhadap UTeM.

Enam orang ahli Panel Penasihat Industri untuk tempoh 2 tahun iaitu 2010 - 2011 telah dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti. Mereka terdiri daripada:

BIL.	NAMA	JAWATAN	SYARIKAT	BIDANG TERAS
1.	Tan Sri Datuk Mustafa Mansur	Presiden	Federation of Malaysian Manufacturers	Kemahiran Insaniah
2.	En. Ong Tze Yih	Pengurus Besar	KUKA Robot Automation (M) Sdn. Bhd.	Automasi Industri dan Robotik
3.	Pn. Yasmin binti Mahmood	Pengarah Eksekutif	YTL Communications Malaysia	Telekomunikasi dan Kejuruteraan Komputer
4.	En. Toshiaki Mase	Penasihat Eksekutif Kanan	Digital Process Ltd. (DIPRO), Jepun.	Proses, Teknologi dan Rekabentuk Pembuatan
5.	YM Tengku Azizan bin Tengku Ahmad	Pengurus Besar	Proton Holdings Berhad (PROTON)	Tenaga dan Automotif
6.	Dr. Dzaharudin bin Mansor	Pegawai Teknologi Negara	Microsoft (M) Sdn. Bhd.	Teknologi Perkomputeran Termaju

Program sangkut industri untuk staf


Program sangkut industri dapat mempertingkatkan hubungan antara akademia dengan industri. Ia memberi peluang kepada staf UTeM memperolehi pendedahan kepada teknologi terkini dalam bidang-bidang strategik Universiti. Perpindahan teknologi bagi membangunkan teknologi sedia ada di Universiti dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, pada tahun 2009 En. Azrol Azwan bin Abdul Rahman (pensyarah FKP) telah menjalani Program Sangkut Industri di Technical University Berlin. Beliau seterusnya telah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD di Universiti

tersebut. Pengalaman dan pengetahuan beliau ketika berada di Technical University Berlin akan digunakan bagi meningkatkan pembangunan dan penyelidikan di FKP dan UTeM.

Latihan Industri - penempatan pelajar Diploma dan Sarjana Muda


Latihan Industri (LI) dilaksanakan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam sesuatu profesion. LI wajib diikuti oleh semua pelajar di peringkat Sarjana Muda mahupun Diploma sepanjang tempoh pengajian mereka. Jangkamasa LI adalah 20-24 minggu bagi peringkat sarjana muda, manakala 10 minggu bagi peringkat Diploma. Pelajar-pelajar ditempatkan di pelbagai syarikat multinasional di merata tempat di Semenanjung, Sabah dan Serawak.

Bilangan Pelajar LI Peringkat Diploma Tahun 2009
(Jumlah 287 orang)



Bilangan Pelajar LI Peringkat Sarjana Muda
Sesi 2009/2010

1163



Majlis Mou dan MoA

UTeM mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan. Maka strategi perkongsian pintar di antara UTeM dengan rakan industri dapat memberikan kesan

yang signifikan di bidang akademik. UTeM telah menjalinkan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan rakan strategik industri. Kerjasama yang dilaksanakan meliputi usaha penyelidikan bersama, pertukaran maklumat teknikal dan staf, pemindahan teknologi dan latihan, pembangunan teknologi bersama, dan melaksanakan projek-projek berpasukan secara berterusan. Para pelajar juga mendapat manfaat melalui latihan industri yang dijalankan di syarikat-syarikat tersebut. UTeM telah menandatangani sebanyak 9 MoU dan 2 MoA di sepanjang tahun 2009, iaitu pada 25 Feb, 28 April dan 9 Oktober 2009.

	<p>Hampshire Aerospace Sdn Bhd</p> <ul style="list-style-type: none"> • Locked Bag No. 1202, Pejabat Pos Ayer Keroh, 75450 Melaka • 25/02/2009-26/02/2012
	<p>DreamEDGE Sdn Bhd</p> <ul style="list-style-type: none"> • No 4800-3A-7, Tingkat 4 Blok A1 Jalan Perdana, CBD Perdana, 63000 Cyberjaya, Selangor • 25/02/2009-26/02/2012
	<p>Advance Pact Sdn. Bhd. & Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Advance Pact Sdn. Bhd. at 2-3A, Perdana The Place, Jalan PJU 8/5G, Bandar Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia • Melaka Biotech Holdings Sdn. Bhd. at Ground Floor G-12, Institut Bioteknologi Melaka, Lot 7, Bandar MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka • 28/04/2009-29/04/2012
	<p>SMIDEC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aras 20, West Wing, Menara MATRADE, Jalan Khidmat Usaha, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur • 6/5/2009 - 06/05/2010
	<p>Orionplex Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> • 28F, Jalan Sungai Batu, Teluk Kumbar, 11920 Pulau Pinang. • 9/10/09 - 9/10/12
	<p>Ritz Power Mechanics Sdn Bhd</p> <ul style="list-style-type: none"> • No 28, Lorong Seri Aman Lama 2B, Jalan Padang Gaong, 07000 Kuah, Pulau Langkawi, Kedah, MALAYSIA • 9/10/09 - 9/10/12
	<p>KUKA ROBOT AUTOMATION (MALAYSIA) SDN BHD; TECHNOLOGIES SDN BHD</p> <ul style="list-style-type: none"> • KUKA Robot Automation (Malaysia) SDN BHD No. 5, Jalan BP 4/9, Bandar Bukit Puchong, 47120 Puchong, Selangor, Malaysia; ROBOMATICS (S.E.A) SDN BHD; MRJ TECHNOLOGIES SDN BHD • No. 41A, Jalan Melaka Raya 8, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka; MRJ TECHNOLOGIES SDN BHD • No. 50G, Jalan Melaka Raya 15, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka, Malaysia • 9/10/09 - 9/10/12
	<p>Significant Technologies Sdn. Bhd.</p> <ul style="list-style-type: none"> • NO. 12-1, Tingkat 1, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia • 9/10/09 - 9/10/12



Composites Technology Research Malaysian (M) Sdn Bhd (CTRM)

- CTRM Aero Composites Sdn Bhd, Locked Bag 1028, Pejabat Pos Besar 75150 Melaka
- 09/12/2005 - 08/12/2010



Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad

- 23rd Floor, Menara SME bank, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
- 08/05/2009- 09/05/2012



Enetronics Sdn. Bhd.

- S3-A, Jalan SS24/8, Taman Megah, 47301 Petaling Jaya, Selangor
- 23/02/2009-24/02/2011

Program Peningkatan *Employability* (GREAT)

Program GREAT dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran graduan UTeM serta memberikan nilai tambah kepada program pengajian sedia ada di UTeM. Program pada tahun 2009 dibentuk dalam 2 kategori, dinamakan Program Degree++ dan Finishing school.

CWSA (Certified Solidwork Associate)	<ul style="list-style-type: none"> •IME CAD/CAM Training Centre, Petaling Jaya, Selangor •Sasaran: Pelajar Kejuruteraan Pembuatan
Ujian Ultrasonik Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> •SIRIM Training Service (STS) Sdn. Bhd •Sasaran: Pelajar Jabatan Kejuruteraan Bahan, FKP
Lean Six Sigma	<ul style="list-style-type: none"> •Jabatan Pengurusan Pembuatan, FKP •Sasaran: pelajar Pengurusan Pembuatan, FKP
<i>Network Communication: Embedded Router and Network Programming</i>	<ul style="list-style-type: none"> •Syarikat Man & Tel Co. Ltd. (Korea) •Sasaran: Pelajar FKEKK
Aplikasi Teknologi Mekatronik	<ul style="list-style-type: none"> •SMC PNEUMATICS (S.EA.) Sdn Bhd, Shah Alam •Sasaran: Pelajar FKEKK
CFOT (Certified Fiber Optic Technician)	<ul style="list-style-type: none"> •Significant Technologies (SigTech) Sdn. Bhd. •Sasaran: Pelajar BITC, FTMK
Adobe Photoshop CS3 Level 1 & level 2	<ul style="list-style-type: none"> •Teras One Solution Sdn. Bhd. •Sasaran: Pelajar BITM, FTMK
Fundamental of the Java Programming Language	<ul style="list-style-type: none"> •CSC Sdn. Bhd •Sasaran: Pelajar FTMK
Specialized Industrial Automation	<ul style="list-style-type: none"> •Federation of Malaysia Manufacturers and FKE •Sasaran: Pelajar FKE
Certified Energy Manager	<ul style="list-style-type: none"> •Infineon Technologies and FKE •Sasaran : Pelajar FKE
Program Green Card	<ul style="list-style-type: none"> •Construction Industry Development Board (CIDB) •Sasaran: Semua pelajar kejuruteraan
UNIGRAPHICS SIRI 1 dan 2	<ul style="list-style-type: none"> •FKM •Sasaran: Pelajar FKM
Essentials of Project Management	<ul style="list-style-type: none"> •FKM •Sasaran: Pelajar FKM
Passport Keselamatan Industri	<ul style="list-style-type: none"> •NIOSH, Bangi •Sasaran: Pelajar FKM
Ultrabunyi (Aras 1)	<ul style="list-style-type: none"> •Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia dan FKM •Sasaran: Pelajar FKM

Program Degree++ merupakan program Pentauliah Profesional di mana para pelajar yang sedang belajar boleh mengikuti program ini bagi mendapatkan sijil yang diiktiraf oleh badan-badan bertauliah dan profesional dalam bidang-bidang berkaitan. Program ini mempunyai modul yang spesifik dan memberi nilai tambah kepada graduan.

Program *Finishing School* pula memberi pendedahan dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum mereka menamatkan pengajian dan memasuki alam pekerjaan dan sebelum mereka menjalani latihan industri. Antara kandungan program ini termasuklah personal grooming, English proficiency, soft skills, resume writing, interview skills dan sebagainya, yang melibatkan pelajar dari semua fakulti. Program dilaksanakan mengikut kekerapan 2 kali per semester.

Lawatan industri dalam negara:

Lawatan industri staf UTeM diadakan bagi tujuan mengeratkan hubungan Universiti-industri bagi membantu mengaktifkan kerjasama dalam Penyelidikan dan Pembangunan kedua pihak. Disamping itu, ia turut melaksanakan aktiviti promosi graduan UTeM ke industri. Industri yang dilawati termasuklah ETI Tech Berhad (bidang penyelidikan tenaga solar), MODENAS (bidang *Automotive* dan Mekanikal) dan BERNAS PRODUCTION Sdn. Bhd. (industri teknologi berasaskan pertanian)



Gambar semasa lawatan staf ke industri di sekitar Kulim, Kedah pada 17 -18 Jun 2009

Lawatan Luar Negara

Lawatan keluar negara dilaksanakan untuk membolehkan penelitian dan perbincangan dibuat secara dekat tentang pelaksanaan sistem pengajian, penyelidikan dan pengkomersilan serta amalan mereka dalam memantapkan jalinan kerjasama universiti-industri. Lawatan ke Technische Universitat Munchen, Fachhochschule Augsburg, University of Applied Sciences Germany dan industri di luar Malaysia seperti KUKA dan Philips dibuat berasaskan kecemerlangan mereka dalam kolaborasi universiti-industri.

Kefahaman yang jelas hasil lawatan ini dapat dijadikan panduan dalam membantu menyusun strategi UTeM bagi menambah nilai keberkesanan dan memantapkan jalinan kerjasama universiti-industri.

Lawatan ke industry di Jepun telah diadakan pada 6 – 12 Disember 2009. Lawatan telah diadakan ke Sysriat Digital Process Ltd., Nissan Motor Company Ltd., Imai Aero-Equipment Mfg. Co., LTD dan Japan Automative Research Institute.



Lawatan Industri di German Pada 2 – 11 November 2009

Program-Perundingan dengan industri

Beberapa siri perbincangan untuk pengkomersialan produk penyelidikan UTeM telah diadakan bersama industri seperti Maxlane Sdn. Bhd., MICTH, EUMCCI, Might Meteor, O² Technologies, Syarikat Teknologi Pembuatan, Micro Zass, Bioteknologi Holdings, TQM Consultants, XTHREEM Patron, AdvancePact, MBMB, Significant Technologies, Jejak Sambung Services and Maintenance Sdn. Bhd., AI Automation, Sun Power Manufacturing, LTT Global Communications Sdn. Bhd. dan Anjung Technology Sdn. Bhd.

Produk-produk itu termasuklah Kids Cashier, Air Pressure Plug, Automatic Tyre Pressure Controller, LED Automated Remote Messaging System, Blackout Alert System, Microcontroller-based High Power LED Rope Light Application, Pro. S Vehicle Professional Saver, dan Flood Observatory System.

Program Bersama Industri

Pihak UTeM sering bekerjasama dengan industri Kecil dan Sederhana, multinasional, badan berkanun dan badan kerajaan untuk mengujudkan jaringan strategik yang efektif. Jaringan kerjasama yang kukuh dapat membantu menghidupkan aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTeM seterusnya menguntungkan semua pihak yang terlibat dan negara Malaysia.

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1	Menganjurkan Majlis FORTUNE 09 (FORUM MTUN)	14 - 16 April 2009	Bayview Hotel, Penang	UTeM terlibat sebagai urusetia untuk Forum Bersama Industri dengan MTUN
2	Melaksanakan program ceramah eksekutif dengan menjemput penceramah dari	18 Mac	Auditorium Canselori, UTeM.	Dr. Abd. Aziz bin Mohamad, Persatuan Nuklear Malaysia Norazle bin Sulaiman,

	industri	21 Julai 10 September 6 Oktober 9 Oktober 29 Oktober		JKJR Mohamad@Mat Hassan Esa, International Zakat Organization Sony EMCS, Bangi Andrew Nicolson, Lead Engineer Powertrain, Lotus Engineering Hj Abdullah @ Abdul Basir bin Abdul Ghani, TNB
3	Majlis Perundingan Akademia-Industri	4 Ogos 2009	Dewan 10, PICC, PutraJaya	Perbincangan wakil-wakil IPT bersama industri yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi

Program Kemasyarakatan

UTeM mempunyai tanggungjawab sosial yang besar dalam membentuk keperibadian dan jati diri anggota sesebuah masyarakat yang progresif yang boleh membawa kemakmuran dan kemajuan fizikal dan kerohanian di dalam negara. Di samping itu juga perkongsian pintar antara universiti dan masyarakat akan dapat mewujudkan inovasi baru yang lebih relevan kepada keperluan masyarakat demi meningkatkan kualiti kehidupan.

Bil	Aktiviti	Tarikh& Tempat	Ringkasan aktiviti
1.	Persidangan Kebangsaan IKS (Bumiputra)'09	10-11 Mac 2009 PWTC, Kuala Lumpur	Menyertai pameran berkaitan hasil penyelidikan para pensyarah UTeM. Memperkenalkan UTeM kepada masyarakat luar.
2.	Majlis Perasmian Pesta Penyelidikan MRSM Terendak	12 Mac 2009, MRSM Terendak	Menjalin kerjasama dalam penasihat dan penyelidikan dengan pelajar MRSM Terendak, Melaka
3.	Hari Japerun DUN Ayer Molek	17-19 Julai 2009 Kompleks Japerun Ayer Molek	Mengadakan pameran berkaitan hasil rekacipta para pensyarah UTeM kepada masyarakat umum. Pempamer terdiri daripada para penyelidik UTeM. Secara tidak langsung, dapat memperkenalkan Universiti kepada masyarakat luar.
4.	Seminar Hiroshima dan Nagasaki	6 Ogos 2009 Puteri Resort, Melaka	Program ini adalah anjuran bersama Nuklear Malaysia. Terdapat beberapa kertas kerja dibentangkan dalam seminar ini. Dalam program ini pelajar sekolah sekitar negeri Melaka dijemput hadir bagi mendapatkan pendedahan berkaitan baik buruk nuklear dalam kehidupan.
5.	Kembara Muhibbah II, (Program Motivasi Pembelajaran)	9 Ogos 2009 Asrama Fatimah Zahrah, Bukit Katil	Program ini adalah anjuran bersama Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. program ini lebih menekankan ceramah motivasi berkaitan pembelajaran bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar di Fatimah Zahrah.
6.	Executive Talk (Tenaga Nasional Berhad)	29 Oktober 2009 Auditorium Canselori	Program ini dibuka kepada semua warga UTeM dan para pelajar. Di samping itu, penuntut Politeknik Merlimau

			<p>(Jabatan Elektrik) turut dijemput hadir. Program ini merupakan pendedahan kepada hadirin tentang peranan dan fungsi TNB itu sendiri di samping menerangkan peluang-peluang kerjaya yang ada di TNB. Disampaikan oleh Pengurus Besar TNB (Negeri Melaka)</p>
--	--	--	--